



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

PERKUISIT DARIPADA PENGGAJIAN

**TAMBAHAN KEPADA
KETETAPAN UMUM NO. 1/2006**

TARIKH KELUARAN: 30 OGOS 2007



PERKUISIT DARIPADA PENGGAJIAN

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**Tambahan kepada
Ketetapan Umum No. 1/2006
Tarikh Keluaran: 30 Ogos 2007**

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Ketetapan Umum seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu Undang-undang Cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarikbalik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikanbalik atau dengan penerbitan ketetapan baru yang tidak konsisten dengannya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Malaysia**



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

PERKUISIT DARIPADA PENGGAJIAN

**Tambahan Kepada
Ketetapan Umum 1/2006
Tarikh Keluaran: 30 Ogos 2007**

**PERKUISIT DARIPADA PENGGAJIAN
TAMBAHAN KEPADA KETETAPAN UMUM NO. 1/2006**

1. Tambahan ini memberi penjelasan berkenaan perubahan layanan cukai ke atas perkuisit bagi anugerah perkhidmatan yang diterima oleh pekerja berkaitan dengan penggajiannya.
2. **Pengecualian cukai bagi perkuisit yang diterima oleh pekerja - perenggan 25C, Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan (ACP)1967**
 - 2.1 Berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2007, perenggan baru 25C, Jadual 6 ACP 1967 diperkenalkan untuk memberi pengecualian ke atas perkuisit yang diterima oleh pekerja, sama ada dalam bentuk tunai atau barangan, berkaitan dengan penggajiannya berhubung dengan:-
 - a. pencapaian lalu;
 - b. anugerah perkhidmatan cemerlang; atau
 - c. perkhidmatan lama dengan syarat pekerja tersebut telah berkhidmat lebih daripada 10 tahun dengan majikan yang sama atau dengan syarikat-syarikat dalam kumpulan syarikat yang sama.
 - 2.2 Amaun yang dikecualikan adalah terhad kepada amaun atau nilai RM1,000 untuk setiap tahun taksiran. Bagi pemberian yang melebihi amaun atau nilai RM1,000, hanya baki akan dikenakan cukai.

Contoh 1

Andrew adalah pengurus di syarikat Gemilang Sdn. Bhd. Pada Majlis Makan Malam Tahunan syarikat tersebut yang diadakan pada 30.12.2007, dia menerima hadiah-hadiah berikut:-

- i. Seutas jam tangan berharga RM3,000 kerana telah berkhidmat dengan syarikat tersebut selama 15 tahun; dan
- ii. Sijil penghargaan serta wang tunai RM5,000 bagi perkhidmatan cemerlang.



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

PERKUISIT DARIPADA PENGGAJIAN

**Tambahan Kepada
Ketetapan Umum No. 1/2006
Tarikh Keluaran: 30 Ogos 2007**

Layanan cukai berkaitan dengan penerimaan-penerimaan di atas adalah seperti berikut:-

- a. *Jumlah nilai perkuisit yang diterima oleh Andrew dalam tahun taksiran 2007, berkaitan dengan perkhidmatan yang lama dengan majikan yang sama dan perkhidmatan cemerlang adalah sebanyak RM8,000. Daripada amaun tersebut, RM1,000 dikecualikan cukai mengikut perenggan 25C, Jadual 6, ACP 1967. Baki RM7,000 akan diambil kira sebagai sebahagian daripada jumlah pendapatan kasar penggajian Andrew di bawah perenggan 13(1)(a), ACP 1967 dan dikenakan cukai di bawah seksyen 4(b), ACP 1967 untuk tahun taksiran 2007.*
- b. *Sijil penghargaan tidak boleh dikenakan cukai kerana ia tidak mempunyai nilai wang dan tidak boleh ditukar kepada wang walaupun ianya berkaitan dengan menjalankan penggajian.*

Contoh 2

Sarafina mula berkhidmat dengan Daya Maju Holding Sdn. Bhd. pada 01.01.2004. Bagi tempoh tiga tahun pertama perkhidmatannya, beliau tidak pernah mengambil cuti sakit. Pada 31.03.2007, majikannya telah memberi hadiah berupa wang tunai berjumlah RM1,000 sebagai penghargaan kepada beliau kerana tidak mengambil cuti sakit.

Jumlah nilai perkuisit yang diterima oleh Cik Sarafina dalam tahun taksiran 2007 ialah sebanyak RM1,000. Oleh kerana perkuisit ini berkaitan dengan pencapaian lalu, kesemua amaun yang diterima dalam tahun taksiran 2007 dikecualikan cukai mengikut perenggan 25C, Jadual 6, ACP 1967.

3. Tambahan ini adalah sebahagian daripada Ketetapan Umum No. 1/2006 dan berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2007.

**Ketua Pengarah
Hasil Dalam Negeri Malaysia**